



**TEKS UCAPAN  
PERHIMPUNAN BULANAN RISDA BIL.6/2018**

**OLEH  
Y. BHG DATO' WAN AHMAD SHABRI ZAINUDDIN BIN WAN MOHAMAD  
KETUA PENGARAH RISDA**

AUDITORIUM SULTAN AHMAD SHAH,  
IBU PEJABAT RISDA

22 NOVEMBER 2018 (Khamis)  
9.00 PAGI

Bismillahirrahmaanirrahim.

Yang Berusaha Saudara/i Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Dato' Nasarudin b. Malek  
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA

Yang Berbahagian En. Abdullah bin Zainal  
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Korporat ) RISDA

Yang Berbahagia Tuan Hj. Sopian bin Abu Bakar  
Ketua Pegawai Eksekutif RISDA Holdings Sdn. Bhd.

Yang Berusaha En. Mohammad Zakaria b. Alang Zahari  
Pengarah Bahagian Tanam Semula & Perladangan

Selaku penganjur Perhimpunan Bulanan RISDA pada bulan ini

Pengarah-Pengarah Bahagian

Ketua-ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Milikan RISDA

Serta semua warga kerja RISDA yang dihormati sekalian.

Bismillahirrahmanirrahim.

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan  
Salam Maulidur Rasul...**

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapat kita berkumpul semula di dewan besar ini bagi sama-sama menghadiri Majlis Perhimpunan Bulanan Kali ke-6 bagi tahun 2018 pada hari ini. Saya berasa amat gembira dapat bersama dengan Tuan-tuan dan Puan-puan warga RISDA pada hari ini kerana melalui perhimpunan seperti ini, kita dapat berinteraksi sesama kita dan saya juga berpeluang untuk menyampaikan isu-isu semasa

kerajaan dan juga RISDA kepada Dato'-Dato, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

2. Saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Bahagian Tanam Semula & Perladangan selaku hos Perhimpunan Bulanan RISDA kali ini. Kita sekarang berada di bulan November 2018 dan tinggal beberapa hari sahaja lagi kita akan meninggalkan tahun 2018 yang menyaksikan pelbagai peristiwa berlaku di dalam negara kita. Namun sebagai penjawat awam, kita tetap menyokong kepimpinan '*government of the day*'.

3. Saya juga ingin mengucapkan Salam Maulidur Rasul kepada semua warga RISDA. Maulidur Rasul baru saja kita sambut pada 20 November lepas. Dengan tema 'Menyantuni Umat Membawa Rahmat' sambutan kelahiran nabi besar junjungan kita Muhammad SAW, kita boleh mengambil peluang ini untuk mencontohi ketabahan dan kesungguhan baginda dan sahabat dalam menyebarkan agama Islam sehingga tersebar ke seluruh pelusuk dunia. Bagi tujuan itu, RISDA tidak pernah ketinggalan dalam menyertai perbarisan Maulidur Rasul anjuran pihak kerajaan. Kali ini perarakan Maulidur Rasul telah diadakan pada 20 Nov 2018 bertempat di PICC Putrajaya. Seramai 47 telah

menyertai sambutan ini dan saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam program ini. Nampak kecil sumbangan tuan-tuan tapi besar kepada RISDA dalam membawa nama RISDA ke peringkat nasional.

4. Kembali kepada hos kita pada bulan ini. Bhg. Tanam Semula & Perladangan merupakan bahagian yang amat penting dalam mencorakkan program tanam semula dan program sokongan tanam semula di RISDA. Bahagian ini menggalas peranan yang sangat besar yang merupakan *core business* RISDA. Kepentingan bahagian ini jelas apabila 82% peruntukan pembangunan

Bantuan Langsung Kerajaan disalurkan kepada program di bawah tanam semula. Pada tahun 2018 peruntukan tanam semula dan program sokongan tanam semula bernilai RM300.9 juta melibatkan sumber Bantuan Langsung Kerajaan (RM285 juta), Kumpulan Wang RISDA (RM14.7 juta) dan NKEA (RM0.2 juta). Daripada peruntukan yang telah diterima, seluas 54,057 hektar melibatkan TSGG RMKe 11, 2,252 hektar TSGL, 78,965 hektar bagi TSGS dan 12,500 hektar bagi PAP. Ini membuktikan bahawa kerajaan sangat mengambil berat dan prihatin kepada keperluan tanam semula oleh pekebun kecil yang diuruskan oleh RISDA. Kalau kerajaan tidak mempunyai keyakinan kepada keupayaan



RISDA, kita tidak akan mendapat peruntukan yang besar pada setiap tahun. Agenda membangunkan masyarakat pekebun kecil masih menjadi keutamaan RISDA walaupun kita dihipit pertanyaan berkaitan harga getah yang semakin menurun di pasaran tempatan.

5. Tugas bahagian ini bukan sahaja tertumpu kepada pembangunan tanam semula sahaja. Bahagian ini juga bertanggungjawab dalam membuat bayaran balik wang ses kepada estet-estet peserta sebanyak 164 buah estet melibatkan keluasan 86,784 hektar tanaman getah di seluruh negara. Selain itu juga pembangunan

Tanam Semula Berkumpulan oleh pekebun kecil dan Tanam Semula Komersil oleh Syarikat Milikan RISDA RPSB turut menjadi KPI kepada bahagian ini.

6. Bahagian ini mempunyai tanggungjawab yang besar dalam menggubal dan menyediakan dasar , Arahan Ketua Pengarah (AKP) dan Pekeliling Tanam Semula, selain penyelesaian aduan dan siasatan kepada sebarang masalah yang timbul berkaitan tanam semula di lapangan. Bagi tujuan ini, semua pegawai di bahagian ini dipilih daripada mereka yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas berkaitan tanam semula.

7. Selain fungsi-fungsi diatas, bahagian ini juga bertanggungjawab menyelia dan mengawal ladang dan kilang RISDA yang diuruskan oleh SMR RISDA Estates Sdn Bhd. Tanah-tanah RISDA seluas 47,590 hektar dan 3 kilang sawit RISDA dipantau oleh Unit RTBB dan Penggunaan Dana yang berperanan besar dalam memastikan kelangsungan sumber kewangan dalaman RISDA selain bayaran dividen tahunan kepada pekebun kecil yang kita selalu tengok di kaca TV dan merupakan satu acara tahunan sebelum ini.

8. Bahagian ini juga bertanggungjawab untuk mengeluarkan data dan statistik tanam semula RISDA. Selain itu, bahagian ini turut terlibat dalam membangunkan sistem Web Base, Dashboard dan I-Power yang akan dilancarkan pada tahun hadapan.
  
9. Bahagian Tanam Semula dan Perladangan juga bertanggungjawab sebagai setiausaha Jawatankuasa Pemandu *Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO)* di peringkat RISDA. Jawatankuasa yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan ini memantau pelaksanaan ke arah pensijilan MSPO oleh SMR RISDA Estates Sdn, Bhd,(RESB) RISDA

Semaian Sdn Bhd (RSSB) dan RISDA Plantation Sdn Bhd (RPSB). Bagi tujuan ke arah pensijilan ini, RISDA bertindak sebagai pemudahcara kepada agensi dan kementerian yang terlibat.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan warga RISDA sekalian

10. Pada tahun 2018 ini merupakan tahun yang mencabar apabila kita mendapat peruntukan secara berjadual sebanyak 4 kali. Perkara ini tidak pernah terjadi dan ini sedikit sebanyak telah menimbulkan masalah di lapangan. Dengan peruntukan terakhir fasa 4 yang

diterima pada awal November, kakitangan kita di lapangan bertungkus lumus menghabiskan bayaran dan kerja-kerja pembangunan di lapangan. Kita sedia faham pada bulan November hingga Disember saban tahun negara akan dilanda monsun yang mengundang hujan yang banyak dan berisiko untuk banjir terutama di kawasan pantai timur. Namun saya yakin, dengan semangat membantu masyarakat pekebun kecil, kita mampu untuk menyelesaikan semua peruntukan yang diberikan. Ini bukan cerita khayalan apabila ada negeri yang telah pun mencapai prestasi 100% bayaran tanam semula iaitu negeri Johor. Kita ucapkan syabas dan tahniah kepada PRN Johor dan

semua kakitangan. Setakat 16 November 2018, prestasi tanam semula dan program sokongan tanam semula bagi seluruh negara telah mencapai 87%!! Saya yakin, menjelang akhir tahun kita dapat menyelesaikan semua bayaran dan mencapai KPI yang ditetapkan. Ini membuktikan RISDA mampu untuk melaksanakan tugas yang diberikan dengan begitu baik walaupun dalam keadaan yang genting. Bagilah apa sahaja kerja yang perlu dilaksanakan, dengan semangat berpasukan dan kerjasama semua pihak, Insya Allah RISDA dapat laksanakan.. Syabas dan tahniah saya ucapkan.

11. Bagi tahun 2019, RISDA telahpun menerima kelulusan peruntukan pembangunan Bantuan Langsung Kerajaan sebanyak RM338.5 juta. Saya difahamkan peruntukan ini adalah peruntukan tertinggi yang diperolehi daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Ini merupakan satu petanda yang baik apabila kementerian baharu ini tidak meminggirkan keperluan pembangunan masyarakat pekebun kecil.
  
12. Daripada peruntukan yang diterima oleh RISDA, Bahagian Tanam Semula dan Perladangan akan menerima RM283 juta iaitu 84% daripada jumlah keseluruhan. Peruntukkan ini akan melibatkan



program sedia ada dan perluasan skop Tanam Semula Getah ke Getah RMKe 11 dan Integrasi, Tanam Semula Getah Sambungan, Tanam Semula Getah ke Tanaman Lain, Prasarana Asas Pertanian Muda dan Prasarana Asas Pertanian Matang.

13. Bagi memperkasa semua program yang dilaksanakan, Bahagian ini turut menganjurkan Seminar Tanam Semula dan Perladangan RISDA Tahun 2018 dengan kerjasama Bahagian Latihan. Seminar ini dilaksanakan 2 kali setahun melibatkan, Timbalan Pengarah RISDA Negeri, Pegawai RISDA Daerah dan pegawai luar RISDA.

Dalam seminar tersebut, pelbagai ilmu dan pengetahuan dikongsi antara bahagian portfolio pembangunan, daerah, SMR dan pihak Swasta. Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada BTSP yang mengambil inisiatif dengan mengadakan seminar ini bagi memberi pendedahan dan *refresher* kepada pegawai-pegawai RISDA di lapangan. Sedemikian, saya telah mengarahkan BTSP untuk menerbitkan buku-buku yang berkaitan dengan Bahagian ini sebagai panduan dan sumber rujukan kepada semua kakitangan terutama di lapangan.

14. Akhir kata saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada En Mohamad Zakaria bin Alang Zahari ,Pengarah Bahagian Tanam Semula dan Perladangan dan semua kakitangan BTSP yang telah bertungkus lumus bagi menjayakan majlis perhimpunan bulanan kali ini.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.